

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK LIEW CHIN JIN @ CHRISTINA LIEW
[TAWAU]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2018 (ISNIN)

SOALAN NO. 26

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah Kerajaan mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Tawau sebagai lapangan terbang antarabangsa untuk membolehkan lapangan terbang tersebut dapat menerima penerbangan terus antarabangsa berjadual memandangkan kawasan Pantai Timur Sabah sangat berpotensi untuk dibangunkan sebagai destinasi pelancongan unggul.

JAWAPAN

Yang Dipertua,

1. Kerajaan tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf Lapangan Terbang Tawau sebagai lapangan terbang berstatus antarabangsa. Pada masa ini, Malaysia telah pun mempunyai 6 buah lapangan terbang antarabangsa iaitu Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching (KIA), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan Lapangan Terbang Antarabangsa Senai (Senai).
2. Lapangan-lapangan terbang lain termasuk Lapangan Terbang Tawau adalah berperanan sebagai *feeder* kepada KKIA.
3. Walaupun Lapangan Terbang Tawau tidak dikategorikan sebagai lapangan terbang antarabangsa, lapangan terbang ini boleh mengendalikan operasi penerbangan antarabangsa berjadual dan tidak berjadual seperti lapangan-lapangan terbang di Melaka, Kuantan dan Ipoh.
4. Pada masa ini, Lapangan Terbang Tawau mengendalikan penerbangan terus sebanyak 158 kali penerbangan seminggu dari KLIA, Senai dan KKIA. Malaysia Airlines dan AirAsia menyediakan perkhidmatan penerbangan terus dari KLIA ke Lapangan Terbang Tawau dengan jumlah kekerapan keseluruhan sebanyak 49 kali seminggu. AirAsia dan MAS dan MASwings turut menyediakan penerbangan terus dari KKIA ke Lapangan Tawau dengan jumlah

kekerapan sebanyak 88 kali seminggu. Di samping itu, terdapat penerbangan antarabangsa yang menghubungkan Lapangan Terbang Tawau dan Lapangan Terbang Tarakan, Indonesia yang dikendalikan oleh MASwings dengan kekerapan sebanyak 3 kali seminggu.

5. Untuk makluman, syarikat operasi lapangan terbang MAHB mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan dan memperkukuhkan perkhidmatan Lapangan Terbang Tawau melalui Pelan Pemodenan Lapangan Terbang Tawau yang dilaksanakan mulai tahun 2019. Melalui pelan ini, antara lain, MAHB akan menaiktaraf fasiliti di dewan berlepas, penyediaan surau baru, tandas dan tambahan *pre-screening machine*. Di samping itu, MAHB juga mempunyai perancangan untuk mempertingkatkan kapasiti pengendalian penumpang daripada 1.5 juta penumpang setahun kepada 2.5 juta penumpang setahun.
6. Lapangan Terbang Tawau dikategorikan di bawah lapangan terbang kategori kod C yang membolehkan pesawat seperti Airbus A320 dan Boeing 737 untuk melakukan penerbangan ke negara-negara ASEAN dan selatan China.
7. Menurut MAHB, untuk tahun 2018 dan 2019 dana telah disediakan untuk menaiktaraf fasiliti di Lapangan Terbang Tawau seperti penyediaan surau baru, tandas baru serta tambahan satu *pre-screening machine* bagi kemudahan dan keselesaan penumpang. Dewan berlepas akan dinaiktaraf dan pintu pelepasan akan ditambah seiring dengan pertumbuhan jumlah penumpang yang positif di Lapangan Terbang Tawau. Pelan Interim Optimum ini dijadualkan akan siap dilaksanakan pada Disember 2019.

8. Melalui pelan Pemodenan Lapangan Terbang Tawau, untuk jangka masa panjang pula, kawasan bangunan terminal sedia ada akan dioptimumkan dengan pertambahan kawasan yang minimum, penggunaan kawasan sedia ada dan pengubahsuaian pelan susun atur dan penambahan fasiliti untuk menampung keperluan operasi lapangan terbang. Bangunan terminal akan dinaiktaraf dengan konsep seni bina dalaman dan luaran yang akan mencirikan kecantikan semula jadi kawasan Pantai Timur Sabah dan kawasan pelancongan di Tawau.
9. Tumpuan turut diberikan kepada segmen komersial di mana kedai-kedai komersial dan peruncitan turut diperbesarkan dan dinaiktaraf agar aktiviti komersial turut seiring berkembang maju. Potensi segmen kargo akan dikembangkan dengan menaiktaraf bangunan kargo bagi menyokong aktiviti tersebut yang melibatkan agensi lain seperti MAS Kargo dan POS Aviation.
10. MAHB akan membuat kunjungan dan pembentangan mengenai rancangan pelan pemodenan Lapangan Terbang Tawau kepada Kerajaan Negeri Sabah pada 30hb Oktober 2018.
11. Pemodenan Lapangan Terbang Tawau ini dijangka dapat menampung kapasiti penumpang sehingga 2.5 juta setahun dan dianggarkan dapat bertahan sehingga tahun 2032.